

19 NOV 2003

Rahim-Gilir

KETUA PENERANGAN UMNO SABAH CADANG PENGGILIRAN DIHAPUSKAN

KOTA KINABALU, 19 Nov (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno Sabah Datuk Abdul Rahim Ismail hari ini berkata sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri wajar dihapuskan kerana ia menjadi halangan besar kepada segala usaha memulihkan ekonomi Sabah.

"Isu ekonomi di Sabah boleh diatasi jika situasi politik dalam negeri kondusif. Sistem penggiliran adalah satu halangan besar serta satu bebanan kepada rakyat," katanya.

Abdul Rahim yang juga Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyerahkan kepada komponen BN Sabah untuk menyelesaikan isu penggiliran jawatan Ketua Menteri.

Abdul Rahim berkata formula penggiliran itu secara teori memang bagus tetapi dari segi praktikal dan pelaksanaannya serta berasaskan kepada pengalaman, ia merupakan bencana besar kepada politik Sabah.

"Saya rasa penggiliran ini patut dikaji semula sesegera yang boleh kerana kelemahan ekonomi serta apapun perkembangan yang tidak serancak yang pernah kita alami di Sabah ini, adalah berpunca daripada sistem penggiliran jawatan ketua menteri," katanya kepada Bernama.

Sementara itu, Parti Bersatu Sabah (PBS) menegaskan sekali lagi pendiriannya menolak formula penggiliran itu kerana menganggap ia membebankan rakyat serta menjejaskan keseluruhan jentera pentadbiran negeri.

Timbalan Presiden PBS Datuk Dr Maximus Ongkili berkata sistem penggiliran itu juga tidak termasuk dalam Perlembagaan negeri.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu diilhamkan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad dan dilaksanakan sejak BN membentuk kerajaan negeri pada Mac 1994.

Ia bertujuan memberi peluang kepada pemimpin tiga kaum utama di Sabah - Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina -- untuk menjadi Ketua Menteri berasaskan penggiliran bagi tempoh dua tahun.

Bagaimanapun, sistem itu mengalami sedikit perubahan pada Mac 2001, membolehkan seorang pemimpin dari Umno mengambil alih jawatan Ketua Menteri selepas penggal sesuatu kaum itu tamat.

Setakat ini ia menyaksikan pelantikan tujuh ketua menteri - Tun Sakaran Dandai, Datuk Salleh Said Keruak, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok, Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan Datuk Seri Musa Aman, Ketua Menteri sekarang.

-- BERNAMA

EM NT RON